

DATE: 25 / 08 / 2007

Kurniaan Wilayah mulai tahun depan

KUALA LUMPUR 24 Ogos – Mulai 1 Februari tahun depan, Yang di-Pertuan Agong akan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan khusus untuk Wilayah Persekutuan pada setiap tahun sempena sambutan ulang tahun Hari Wilayah Persekutuan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan berkata, pengurniaan darjah, bintang dan pingat kebesaran ini adalah atas titah calangan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin sendiri kerana ketika ini Wilayah Persekutuan tidak mempunyai anugerah darjah kebesaran se-

perti negeri-negeri lain.

Susulan itu, katanya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Julai lepas setuju mewujudkan keluarga Darjah Yang Mulia Mahkota Wilayah yang terdiri daripada Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri, Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk, Johan Mahkota Wilayah (JMW), Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW).

Setiap tahun, had penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat ditetapkan kepada 250 orang sahaja. Istiadat pengurniaan ta-

hun depan akan diadakan di Istana Negara di sini.

Seri Mahkota Wilayah dihadkan keahlian pada satu-satu masa kepada 25 orang, PMW (75 orang), JMW (200) manakala yang lain tiada had ditetapkan.

Bagaimanapun, kata Sidek dalam kenyataan hari ini, had keahlian bukanlah muktamad dan boleh ditambah pada masa akan datang dengan persetujuan Jemaah Menteri.

Pengurniaan darjah kebesaran itu akan diurusetia oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antara-

bangsa, Jabatan Perdana Menteri.

Sidek berkata, cadangan pengurniaan darjah itu berdasarkan pandangan bahawa sejak penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1974 dengan pengisytiharan Kuala Lumpur, ia telah berkembang pesat dan kini dianggotai tiga wilayah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan (1984) dan Putrajaya (2001).

“Mengambil kira jumlah penduduk Wilayah Persekutuan yang besar di samping kedudukannya sebagai ‘gerbang utama’ pentadbiran dan pembangunan negara, adalah wajar diwujudkan darjah kebesaran bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga

Wilayah Persekutuan, termasuk mereka yang bukan bermastautin,” katanya.

Pencalonan dibuka kepada lapan kategori iaitu perkhidmatan awam, pihak berkuasa tempatan/badan berkanun, swasta/persatuan/sukarela/sukan, warganegara asing, perkhidmatan Angkatan Tentera, polis dan pertubuhan politik.

Borang pencalonan akan diedarkan mulai 30 Ogos dan tarikh tutup ialah pada 15 Oktober 2007. Borang juga boleh diperoleh melalui laman web rasmi Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu www.kwp.gov.my.

— Bernama

MM - 25/8/2007